

Agensi pemasaran perluas produk desa

Penubuhan bantu usahawan luar bandar tingkat jaringan, pembekalan

Oleh Petah Wazzan Iskandar dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebuah agensi pemasaran akan ditubuhkan untuk menasihati, memberi tunjuk ajar dan berusaha membantu memperluas pasaran produk keluaran usahawan luar bandar.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, antara perkara boleh dilakukan agensi itu ialah membentuk perkongsian pintar dengan komuniti usahawan luar bandar dan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk swasta bagi meningkatkan jaringan serta rangkaian pemasaran, pembekalan dan pengeksportan.

Perdana Menteri menegaskan, memang menjadi hasrat kerajaan melahirkan lebih ramai usahawan luar bandar yang berjaya pada masa akan datang.

Pada masa sama, beliau berkata, usahawan luar bandar juga perlu meningkatkan daya saing perniagaan masing-masing melalui

penggunaan mesin dan teknologi. Katanya, penggunaan mesin dalam penghasilan produk mampu meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos dan memastikan

PM hadir majlis pelantikan Presiden Indonesia hari ini

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja ke Jakarta, Indonesia hari ini untuk menghadiri Majlis Pelantikan Presiden dan Naib Presiden Indonesia bagi penggal 2019-2024.

Menurut kenyataan Kementerian Luar semalam, Dr Mahathir akan diiringi isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah serta pegawai kanan dari Pejabat Perdana Menteri dan Kementerian Luar.

konsistensi kualiti produk.

“Usahawan luar bandar perlu bersedia kerja keras mencari dan meningkatkan pendapatan. Rezeki perlu diusahakan, ia tidak akan

Lawatan itu melambangkan keakraban serta keteguhan hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia serta akan menyumbang ke arah mengukuhkan lagi jalinan persahabatan di antara kedua-dua negara yang telah lama terbina.

Pada Majlis Perwakilan Rakyat, Joko Widodo yang lebih dikenali dengan panggilan mesra Jokowi, akan mengangkat sumpah jawatan Presiden republik itu, manakala Ma'ruf Amin pula sebagai Naib Presiden.

BERNAMA



Dr Mahathir melihat produk keropok keluaran usahawan Bumiputera ketika melawat gerai pameran Karnival Usahawan Desa Putrajaya 2019, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

datang melayang atau bergolek kepada kita.

“Kerajaan yakin sekiranya usahawan luar bandar dapat terus berusaha memajukan diri dan sentiasa mahu memperbaiki produk dihasilkan, saya pasti mereka akan mampu mengeluarkan produk bermutu dan berdaya saing hingga ke pasaran global.

“Bagaimanapun, tanpa minat dan kesediaan untuk menyertai peluang yang diwujudkan, usaha ini tidak akan berjaya,” katanya dalam ucapan perasmian menerusi rakaman video sempena Karnival Usahawan Desa (KUD@KPLB) Putrajaya 2019, di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, kerajaan melihat bidang keusahawanan terbukti berkesan membangunkan sosioekonomi masyarakat luar bandar, seterusnya meningkatkan pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Beliau berkata, usaha berkenaan pada akhirnya pasti berupaya menyumbang kepada usaha merapatkan jurang pendapatan isi

rumah antara luar bandar dengan bandar.

“Kerajaan juga mahu memupuk budaya keusahawanan melalui latihan dan perantis dalam perniagaan serta perusahaan sedia ada. Sekiranya layak, barulah mereka akan diberi peluang tetapi jika belum layak, mereka akan diberi latihan lagi.

“Kerajaan turut menyediakan peruntukan RM200 juta bagi industri pemborongan dan peruncitan serta pembelian premis perniagaan untuk disewakan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera.

“Selain itu, RM100 juta diperuntukkan bagi pinjaman usahawan kecil dan ini satu peluang yang wajar direbut usahawan muda, terutama di luar bandar.

“Dana berjumlah RM52 juta juga disediakan untuk pelaksanaan pelbagai program keusahawanan dan latihan industri tani supaya dapat menarik pembabitangan golongan muda dalam bidang agromakanan,” katanya.